

# InfoINDUSTRI

Isu 06 | 15 Ogos 2012



Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

KPSSU Bekerjasama dengan SQW China Limited

Mesyuarat SMEMM APEC ke-19 dan  
SMEWG APEC ke-35 di Rusia

## Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

Satu majlis bertahlil sempena bulan Ramadhan, yang dikendalikan oleh Pusat Standard Kebangsaan bersama Pusat Pembangunan Keusahawanan telah diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong pada 9 Ogos 2012.

Rombongan majlis yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) diketuai oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar. Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Hj Mohd Yunos.

... bersambung ke muka surat 2





## Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja dari muka surat 1...

Majlis bertahlil ini merupakan sebahagian daripada kegiatan-kegiatan keagamaan yang dianjurkan setiap tahun oleh Kementerian dan dikhususkan bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam - Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara

Pengiran Anak Abdul Rahman.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yassin dan kemudiannya bertahlil yang dipimpin oleh Imam Awg Hj Muhd Sa'dullah bin Hj Salleh.

## KPSSU Bekerjasama dengan **SQW China Limited**



**K**PSSU, melalui Pusat Inovasi Industri Halal telah mengadakan satu majlis bagi perjanjian kontrak antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui KPSSU, dengan Syarikat SQW China Limited, bagi projek "Consultancy Project for Master Planning and Interim Project Management for the Agro Technology Park" di Empire Hotel & Country Club, Jerudong pada 15 Ogos 2012.

Ketua Pusat Inovasi Industri Halal, KPSSU. Manakala, menandatangani bagi pihak SQW China Limited ialah Mr Gary Ho, Pengarah Urusan Syarikat SQW China Limited.

bekerjasama dengan Pusat Inovasi Industri Halal, KPSSU untuk membina sebuah Tapak Agroteknologi dengan kawasan seluas 500 hektar di Kg Tungku, Mukim Gadong. Tapak ini yang siap sedia dengan kemudahan-kemudahan bagi aplikasi-aplikasi penyelidikan dan teknologi inovatif kepada para SME dan industri besar, dan dapat menempatkan bangunan-bangunan makmal dan pejabat akan berfungsi sebagai hub untuk menyokong pembangunan jenama Brunei Halal.

Tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU; ketua-ketua jabatan di KPSSU; pengusaha-pengusaha; dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Mulia Awg Hj Sabri bin Hj Mohd Taha,

Syarikat SQW Consulting, sebuah firma konsultan yang terkemuka dan mempunyai kelayakan serta pengalaman di peringkat serantau dan antarabangsa dalam membangunkan dan menguruskan taman-taman agroteknologi, sains dan taman-taman teknologi serta pusat inovasi, akan





## Mesyuarat **SMEMM APEC ke-19** dan **SMEWG APEC ke-35** di Rusia

Mesyuarat Menteri-Menteri Perusahaan Kecil dan Sederhana APEC (SMEMM) ke-19 yang dipengerusikan oleh Vladimir Simonenko, Timbalan Menteri Pembangunan Ekonomi, Persekutuan Rusia, telah diadakan pada 3 Ogos 2012 di Saint Petersburg, Rusia. Mesyuarat itu yang dihadiri oleh menteri-menteri dan wakil dari 21 Ekonomi Anggota APEC, mempunyai tema “Mempromosi Kerjasama SME untuk Pertumbuhan Inovatif di Rantau APEC” dan tiga tema kecil, iaitu: “Menolong SME dalam mengantarabangsakan dan menyokong SME yang berorientasikan eksport”; “Menjalin SME Inovatif,” dan “Menyokong Perniagaan Baru dan Usahawan Muda.”

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



Agenda yang diambil maklum ketika mesyuarat:

- Persetujuan umum di kalangan menteri-menteri bahawa kerjasama SME untuk pertumbuhan inovatif boleh dipertingkatkan menerusi promosi perniagaan baru – memandangkan ia adalah peringkat perusahaan paling penting;
- Menyedari tentang kepentingan kemasukan usahawan muda dalam kegiatan ekonomi, menteri-menteri memberikan sokongan kepada inisiatif Rusia dalam menganjur Rangkaian Usahawan Muda Pertama (YEN) yang diadakan pada 2 Ogos 2012 di St Petersburg, Rusia;
- Menteri-menteri mengambil maklum pengantarabangsaaan sebagai teras pertumbuhan berkekal dalam SME dan ME (perusahaan mikro) – perkembangan hubungan perniagaan di antara SME di rantau Asia-Pasifik adalah pendorong ke arah matlamat umum persepaduan dan pembangunan potensi ekonomi APEC;
- Rasuah diiktiraf sebagai paluan yang menimbulkan sekatan kepada pasaran dan kos tinggi untuk SME. Untuk mengatasi masalah ini, menteri-menteri telah memperakui kod etika perniagaan untuk alat perubatan, bio-farmaseutikal, dan sektor pembinaan/kejuruteraan;

- Mengiktiraf sumbangan Kumpulan Kerja SME (SMEWG) ke arah pelaksanaan Pelan Strategik SMEWG 2009-2012. Untuk meneruskan kerja-kerja SMEWG, menteri-menteri telah meluluskan Pelan Strategik SMEWG empat tahun yang baru 2013-2016, yang menyediakan garis panduan untuk mengatasi isu kritikal berhubung dengan pertumbuhan SME dan perusahaan mikro (ME) di rantau APEC.

Dalam konteks dua tema kecil pertama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, berkongsi inisiatif Negara Brunei Darussalam untuk membantu SME dalam mengantarabangsakan dan menyokong SME yang berorientasikan eksport serta memupuk SME inovatif. Yang Berhormat Menteri juga berkongsi dengan peserta forum mengenai cabaran yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara kecil dengan jumlah penduduk yang kecil – memiliki ekonomi yang bergantung sepenuhnya pada minyak dan gas; mempunyai pasaran terhad; dan kos pengeluaran yang tinggi.

Sebelum SMEMM APEC ke-19 ini, satu lagi forum berkaitan, Mesyuarat Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana ke-35 (SMEWG), berfungsi mengemaskini perkembangan projek yang dilaksanakan oleh ekonomi anggota SME APEC telah

diadakan dari 1-2 Ogos 2012. Wakil Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat ini dipimpin oleh Yang Mulia Dyg Hjh Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awg Hj Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap KPSSU.

“ Peluang kepada SME (di Negara Brunei Darussalam), selain daripada sektor minyak dan gas, terletak dalam sektor sumber-sumber utama seperti pertanian dan perikanan. Satu lagi platform untuk SME berkembang adalah dalam penyediaan produk dan perkhidmatan halal melalui jenama Brunei Halal. Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam yang kuat, boleh mengambil kesempatan untuk menerokai perniagaan yang berkaitan dengan produk halal untuk pasaran Islam antarabangsa. ”

*Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, dalam ucapannya ‘Menggalakkan Pembangunan SME dalam Negara Brunei Darussalam’ semasa APEC SMEMM ke-19*

# Diari **KPSSU**

## **OGOS 9** Selamat Tinggal, Brunei: Duta Jerman Buat Kunjungan Perpisahan

Tuan Yang Terutama Dr Bernd Max Morast, Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, mengadakan kunjungan perpisahan kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar pada 9 Ogos 2012.



## **OGOS 10** Majlis Ziarah Pusara dan Membaca Tahlil bagi Allahyarhamah Dyg Hj Ellya Hafidzah Bte Hj Mustafa

Aktiviti ziarah dan membaca tahlil telah diadakan untuk Allahyarhamah Dayang Hajah Ellya Hafidzah bte Haji Mustafa, bekas kakitangan KPSSU, di Tanah Perkuburan Orang Islam, Kg. Salambigar, pada hari Jumaat, 10 Ogos 2012.

Aktiviti ziarah dan seterusnya pembacaan tahlil untuk warga kementerian yang telah kembali ke Rahmatullah merupakan salah satu program yang telah dianjurkan pada bulan Ramadhan yang mulia pada tahun ini.

Hadir untuk majlis tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim



Dato Paduka Hj Bakar; Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Hj Md

Yunos dan Yang Mulia Dyg Hj Hasnah bte Ibrahim; ketua-ketua jabatan dan bahagian serta para warga kerja di KPSSU.

Aktiviti berkenaan diharapkan dapat memupuk semangat kekeluargaan dan mengeratkan hubungan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan kementerian ini. Aktiviti ini juga dapat dijadikan sebagai wadah untuk mengamalkan ibadah yang berkebakikan khususnya di bulan Ramadhan yang penuh berkat ini dengan menunjukkan penghargaan bagi mereka-mereka yang telah meninggal dunia semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka kepada negara sebagai sebahagian tenaga kerja Kementerian.



## **OGOS 11** Sambutan Nuzul Al-Quran KPSSU

Sambutan Nuzul Al-Quran bagi KPSSU, diselenggarakan oleh Jabatan BINA dengan kerjasama Pusat Pembangunan Koperasi (CDC), telah diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Jalan Menteri Besar, pada 11 Ogos 2012 pada pukul 1 petang.

Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Md Yunos, serta kakitangan KPSSU

dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Al-Quran dan tafsirannya, disusuli kemudian dengan ceramah khas sempena Nuzul Al-Quran oleh penceramah undangan dari Universiti Sultan Shariff Ali (UNISSA), Yang Mulia Ustaz Awg Hj Ahmad Abdussalam bin Hj Abd Rahman.

Majlis turut diselenggarakan dengan penyampaian derma (sumbangan dari KPSSU, sebuah syarikat tempatan dan seorang individu) kepada 33 orang anak-anak yatim kakitangan KPSSU oleh tetamu kehormat. Ini diikuti oleh penyampaian wakaf untuk Surau KPSSU berupa satu set Naskhah Al-Quran yang didermakan kepada surau itu dan diterima oleh Pg Harun bin Pg Hj Aliuddin, Pengarah Pengurusan dan Kewangan KPSSU. Majlis tersebut diakhiri dengan bacaan doa selamat.